

SULIT

KYPJ/NOVEMBER2016/MPU2123/MPU1013/MPW1133



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : PENGAJIAN MALAYSIA**  
**KOD KURSUS : MPU2123/MPU1013MPW1133**  
**PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2016**  
**MASA : 2 JAM 30 MINIT**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)  
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALANINI MENGANDUNGNI 13 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A [ 20 MARKAH ]**

Jawab **semua** soalan.


1. Mereka merupakan golongan yang menetap di dalam perahu atau di pinggir-pinggir pantai. Mereka ialah manusia yang tahan lasak, tahu selok belok laut dan memberikan ketaatsetiaan kepada kesultanan Melaka dan Johor. Kenyataan ini adalah merujuk kepada
- A. Orang Sungai.
  - B. Orang Asli.
  - C. Orang Pantai.
  - D. Orang Laut.

Melayu	Kawasan pedalaman
Cina	Kawasan bandar dan lombong
India	Kawasan A

Rajah 1

2. Rajah 1 menunjukkan kesan Dasar 'Pecah dan Perintah' Inggeris. Kawasan apakah yang merujuk kepada A?
- A. kampung.
  - B. estet.
  - C. pinggir hutan.
  - D. pinggir pantai.
3. Ekoran rusuhan kaum 13 Mei 1969, siapakah yang mengisytiharkan darurat secara rasmi pada 16 Mei 1969?
- A. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj.
  - B. Majlis Gerakan Negara.
  - C. DYMM Yang di-Pertuan Agong.
  - D. Majlis Perundingan Negara.

4. X telah berjaya melahirkan sebuah perlembagaan baharu dalam usaha untuk merealisasikan cita-cita penubuhan Malaysia 1963. Apakah yang dimaksudkan dengan X?
- Referendum Singapura.
  - Suruhanja Cobbold.
  - Jawatankuasa Antara Kerajaan.
  - Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia.
5. Siapakah kuasa Eropah pertama yang berjaya menjakkan kaki di Tanah Melayu?
- Belanda.
  - Sepanyol.
  - Inggeris.
  - Portugis.
6. Episod campur tangan British di Tanah Melayu bermula dengan peristiwa yang berikut, iaitu
- Perjanjian Inggeris-Belanda 1824.
  - Francis Light menduduki Pulau Pinang 1786.
  - Stamford Raffles menduduki Singapura 1819.
  - Perjanjian Burney 1826.
7. Y telah berjaya melahirkan sebuah perlembagaan baru dalam usaha untuk merealisasikan cita-cita penubuhan Malaysia. Apakah yang dimaksudkan dengan Y?
- Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia.
  - Suruhanjaya Cobbold.
  - Referendum Singapura.
  - Jawatankuasa Antara Kerajaan.



Rajah 2

8. Rajah 2 berkaitan proses pilihan raya di Malaysia. Apakah proses yang mewakili Z?
- peletakan jawatan Perdana Menteri dan anggota Kabinet bagi membolehkan sebuah kerajaan sementara dibentuk sebelum keputusan pilihanraya diketahui.
  - semakan daftar pemilih untuk memastikan nama pengundi yang layak ada dalam daftar pemilih.
  - suruhanjaya pilihan raya mengumumkan nama senarai calon yang bertanding.
  - hari mengundi.
9. Kedatangan masyarakat Cina ke negeri Johor melalui sistem Kangchu bertujuan untuk mengusahakan ladang. Apakah ladang yang diusahakan oleh golongan ini?
- lada dan gambir.
  - nanas dan padi.
  - kelapa sawit dan getah.
  - kelapa dan tebu.

Murut, Bidayuh, Melanau, Iban

Rajah 3

10. Berdasarkan Rajah 3, di manakah terdapatnya ketiga-tiga suku kaum tersebut?

- A. Wilayah Persekutuan.
- B. Orang Asli.
- C. Sabah.
- D. Sarawak.

11. Dalam Dasar Wawasan Negara pembasmian kemiskinan diberi tumpuan utama bagi

- A. memenuhi cita-cita negara untuk menjadi negara maju.
- B. menghapuskan penduduk setinggan menjelang 2020.
- C. mewujudkan masyarakat yang saksama dan keseimbangan antara kaum.
- D. melahirkan lebih banyak golongan korporat Melayu.

12. Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) 1967, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) dan Bank Bumiputera ditubuhkan di bawah

- A. Rancangan Malaysia 1.
- B. Rancangan Malaysia 2.
- C. Rancangan Malaysia 1 (RMK-1).
- D. Rancangan Malaysia 2 (RMK-2).

13. Antara berikut, yang manakah merupakan strategi dalam menjayakan Dasar Wanita Negara?

- A. Memperkuuh Unit Hal Ehwal Wanita sebagai jentera pembangunan wanita.
- B. Mengorientasikan dasar dan tindakan agensi kerajaan supaya memasukkan proses perancangan, pelaksanaan dan pengawasan program-program pengintegrasian wanita.
- C. Memajukan dan menyelaraskan penyelidikan mengenai isu wanita.
- D. Semua di atas.

14. Penyata Razak 1956 telah disemak oleh sebuah jawatankuasa yang diketuai oleh Abdul Rahman Talib. Pada tahun bilakah Penyata Rahman Talib dikeluarkan?

- A. 1959.
- B. 1960.
- C. 1961.
- D. 1962.

15. MAPHILINDO merupakan suatu gabungan kerjasama antara negara di Asia Tenggara. Apakah negara-negara yang terlibat di dalam pertubuhan ini?

- A. Malaysia, Filipina, Indonesia.
- B. Malaysia, Thailand, Indonesia. ^
- C. Malaysia, Brunei, Indonesia. X
- D. Malaysia, Filipina, Indochina.

Pertubuhan ini dianggotai oleh Malaysia, Thailand, Filipina, Singapura, Indonesia, Brunei, Vietnam, Laos dan Myanmar.

Rajah 4

16. Apakah pertubuhan yang dimaksudkan di dalam Rajah 4?

- A. ASEAN.
- B. OIC.
- C. NAM.
- D. EAEC.

17. Antara pernyataan berikut, yang manakah **salah** mengenai Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB)?

- A. Prinsip PBB adalah untuk menjamin kedaulatan dan hak semua negara anggota serta tidak ada negara yang boleh campur tangan dalam hal ehwal negara lain.
- B. PBB bermatlamat untuk mewujudkan sebuah masyarakat dunia yang aman
- C. PBB memainkan peranan dalam dua perkara yang berkaitan dengan politik dunia, iaitu Perhimpunan Agung PBB dan Majlis Keselamatan
- D. Tindakan PBB perlu berlandaskan arahan daripada Amerika Syarikat.

18. Apakah maksud konsep kerjasama ASEAN + 3?

- A. kerjasama antara ASEAN, Korea, Jepun dan China.
- B. kerjasama antara ASEAN, AS, Britain dan Rusia.
- C. kerjasama dalam kalangan negara ASEAN untuk memajukan AFTA.
- D. kerjasama antara negara dunia ketiga.

19. Peruntukan Islam sebagai agama Persekutuan boleh dirujuk kepada

- A. Perkara 11.
- B. Perkara 3.
- C. Perkara 153.
- D. Perkara 152.


20. Manakah antara kenyataan berikut berkaitan dengan kepercayaan orang Cina?

- I Taoisma
  - II Confucious
  - III Penyembahan nenek moyang ✓
  - IV Yin Yang ✓
- 
- A. I dan II
  - B. II dan III
  - C. I, II, IV
  - D. I, II, III dan IV

## BAHAGIAN B [ 60 MARKAH ]

Jawab **semua** soalan.

### SOALAN 1



**Rajah 9**

Rajah 9 menunjukkan pendudukan kuasa-kuasa asing di Tanah Melayu. Bermula pada tahun 1511 hingga negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, catatan sejarah menunjukkan negara ini telah diduduki kuasa-kuasa asing.

- a. Namakan kuasa asing berlabel B yang telah menjajah Tanah Melayu.  
(1 Markah)
- b. Berikan nama wizurai(panglima) yang bertanggungjawab menyusun sistem pentadbiran Portugis di Melaka.  
(2 Markah)
- c. Senaraikan **tiga** orang pegawai British yang pernah dilantik sebagai residen British di Tanah Melayu.  
(3 Markah)
- d. Beberapa faktor mengundang kepada kejayaan Jepun menduduki Tanah Melayu pada tahun 1942. Senaraikan **empat** faktor tersebut.  
(4 Markah)

## SOALAN 2

## Perlembagaan jaga hak semua kaum

**SADONG JAYA** - Perlembagaan Persekutuan melindungi semua rakyat negara ini tanpa mengira agama dan bangsa, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Nancy Shukri.

Beliau berkata perlumbagaan negara juga adalah satu jaminan kepada semua masyarakat mengenai kebebasan beragama seperti yang termaktub dalam perlumbagaan tersebut.

"Kita semua dilindungi di bawah perlumbagaan...

perlumbagaan melindungi semua bangsa dari agama di negara ini, tidak ada bangsa boleh menyatakan dirinya lebih baik dari segi sosial atau pun agamanya lebih baik daripada agama lain," katanya.

Beliau berkata demikian pada Program Nemui ke Rumah Panjai (Program Melawat ke Rumah Panjang) sempena Program Orientasi Pegawai-pegawai Persekutuan Perlhidmatan Awam Sarawak 2015, di Rumah Senangah di sini semalam.

Turut hadir, Anggota Dewan Undangan Negeri Sadong Jaya Ir Aidel Lariwoo dan Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Sarawak, Dirwana Azool.

Sebanyak 64 pegawai perkhidmatan awam dari pelbagai jabatan dibawa ke rumah panjang berkenaan bagi memberi kesefahaman mengenai adat resam dan cara

kehidupan masyarakat Iban menerusi acara kebudayaan seperti 'Ngajat'.

'Ngepan' dan 'Ngerebah Renyai'

Sementara itu, Nancy berharap pegawai perkhidmatan awam yang terlibat dalam program orientasi itu menjadikan pengalaman melihat toleransi antara kaum di Sarawak sebagai satu perkara yang boleh memberi satu pengalaman baharu.

Katanya sikap toleransi dalam kalangan masyarakat perlu ada supaya rakyat negara ini dapat hidup bersama serta bersatu padu. - Bernama

### Rajah 10

Rajah 10 adalah keratan akbar yang berkaitan perlembagaan persekutuan. Perlembagaan ialah prinsip-prinsip asas dan sumber undang-undang tertinggi Negara Malaysia.

- a. Berdasarkan Rajah 10, apakah yang membuktikan perlembagaan menjaga hak semua kaum?  
(2 Markah)
- b. Terangkan **dua** ciri menunjukkan perlembagaan bersifat luhur.  
(4 Markah)
- c. Nyatakan **dua** ciri sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi.  
(4 Markah)

## SOALAN 3



Rajah 11

- a. Apakah yang dimaksudkan dengan etnik seperti yang digambarkan seperti rajah di atas?  
(2 Markah)
- b. Senaraikan **empat** masalah awal perpaduan kaum rakyat Malaysia.  
(4 Markah)
- c. Berikan **dua** cadangan anda untuk menyelesaikan masalah perpaduan kaum.  
(4 Markah)

**SOALAN 4**

- a. Apakah maksud Modal Insan?  
(2 Markah)
- b. Senaraikan **tiga** kemahiran Modal Insan yang perlu dimiliki oleh pelajar Institusi Pengajian Tinggi apabila bergraduat.  
(3 Markah)
- c. Nyatakan **tiga** kepentingan Modal Insan kepada negara.  
(3 Markah)
- d. Jelaskan **satu** cara untuk memperkasakan pembangunan Modal Insan dalam kalangan generasi muda hari ini.  
(2 Markah)

**SOALAN 5**

- a. Agama ialah sumber untuk manusia mengadu tentang permasalahan kehidupan. Terangkan **tiga** peranan agama kepada manusia.  
(3 Markah)
- b. Jelaskan **empat** elemen yang menjadi asas perhubungan dalam Islam.  
(4 markah)
- c. Berikan **tiga** bentuk toleransi agama di Malaysia.  
(3 Markah)

**SOALAN 6**

Dasar Ekonomi Baru telah diperkenalkan pada tahun 1970 dengan matlamat utamanya untuk membasmi kemiskinan dalam kalangan rakyat Malaysia.

- a. Huraikan faktor-faktor yang dikaitkan dengan kemiskinan dalam konteks masyarakat Malaysia.  
(4 markah)
- b. Bincangkan usaha-usaha yang dipraktikkan untuk membasmi kemiskinan melalui DEB.  
(6 markah)

**BAHAGIAN C [ 20 MARKAH ]**

Jawab **satu** soalan sahaja.

1. Malaysia ialah sebuah negara berbilang kaum yang hidup dalam keadaan aman dan damai. Justeru, pelbagai kepercayaan dan kebudayaan dapat diamalkan oleh setiap rakyat. Huraikan bentuk-bentuk kebudayaan dan adat resam yang diamalkan oleh kaum-kaum utama di Semenanjung Malaysia.  
(20arkah)
  
2. Bincangkan kepentingan Dasar Keluarga Negara dan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam membentuk masyarakat Malaysia yang bertanggungjawab dan bersifat mulia. Bincangkan dan kaitkan dengan contoh-contoh yang sesuai.  
(20 Markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**



